

# Dasar Privasi kami

Kemas kini terakhir: 12 Mac 2014. Ringkasan perubahan boleh dirujuk di bahagian bawah Dasar Privasi ini.

---

Matlamat Dasar Privasi ini adalah untuk memberikan gambaran keseluruhan tentang amalan privasi yang dilaksanakan oleh AVG sehubungan dengan tapak web (“Tapak”) [www.avg.com](http://www.avg.com) dan sebarang produk dan/atau perkhidmatan yang mungkin ditawarkan oleh AVG kepada anda (“Produk AVG”), melainkan terma dan syarat yang disertakan dengan Produk AVG tersebut menyatakan sebaliknya.

Matlamat Dasar Privasi ini adalah untuk memberikan gambaran keseluruhan tentang amalan privasi yang dilaksanakan oleh AVG sehubungan dengan tapak web (“Tapak”) [www.avg.com](http://www.avg.com) dan sebarang produk dan/atau perkhidmatan yang mungkin ditawarkan oleh AVG kepada anda (“Produk AVG”), melainkan terma dan syarat yang disertakan dengan Produk AVG tersebut menyatakan sebaliknya.

[Komitmen kepada Privasi](#)

[Apakah Maklumat Yang AVG Technologies Kumpul?](#)

[Adakah Kami Menggunakan Kuki?](#)

[Bagaimanakah Kami Menggunakan Maklumat yang Kami Kumpul?](#)

[Dengan Siapa Kami Kongsi Maklumat Anda?](#)

[Hak dan Tanggungjawab](#)

[Buletin Kemas Kini AVG dan Komunikasi lain](#)

[Pautan ke Syarikat Lain](#)

[Tapak web Jenama bersama](#)

[Keselamatan](#)

[Perubahan Dasar Privasi](#)

---

## Komitmen kepada Privasi

Sebagai pengeluar perisian keselamatan dan perisian lain, AVG Technologies tahu bahawa anda mengambil berat tentang bagaimana data dan maklumat Peribadi anda digunakan dan dikongsi. AVG menjalankan perniagaan keselamatan untuk melindungi anda. Untuk kami melakukan tugas kami, ada kalanya kami memerlukan akses ke data tertentu pada PC, tablet, telefon mudah alih anda atau peranti lain yang berkaitan. Kami menghormati hak anda kepada privasi. Kami ingin memastikan bahawa anda memahami jenis data dan maklumat Peribadi yang kami kumpulkan mengenai anda, bagaimana maklumat itu digunakan dan perlindungan yang kami gunakan untuk melindunginya. Untuk tujuan Dasar Privasi ini, AVG Technologies akan bermakna AVG Technologies NV atau syarikat lain yang dikawal, mengawal atau di bawah kawalan bersama dengan AVG Technologies.

[Kembali ke Atas](#)

## **Apakah Maklumat Yang Dikumpulkan Oleh AVG Technologies?**

Jenis data dan maklumat Peribadi yang kami kumpulkan dan simpan bergantung kepada interaksi anda dengan Tapak kami dan/atau Produk AVG kami. Berikut adalah gambaran keseluruhan ringkas bagi dua jenis interaksi utama.

### **MAKLUMAT YANG ANDA BERIKAN KEPADA KAMI**

Kami mengumpulkan data dan maklumat Peribadi yang anda berikan kepada kami di Tapak kami atau menerusi Produk AVG kami termasuk nama, alamat, alamat e-mel, nombor telefon anda dan jika anda membayar melalui kad kredit, maklumat akaun anda. Ini berlaku apabila anda:

- Membuat akaun pengguna, membuat pesanan, mendaftar produk
- Meminta sokongan produk atau perkhidmatan lain
- Minta maklumat tentang Produk AVG
- Menyertai tinjauan

Produk AVG kami boleh mengumpulkan maklumat mengenai PC, tablet, telefon mudah alih anda atau peranti lain yang berkenaan, mengenai fail yang disimpan atau aplikasi yang dipasangkan dan tapak yang anda telah akses semasa ia mengenal pasti ancaman atau ancaman yang mungkin berlaku. Maklumat ini, dengan kebenaran anda dihantar semula ke AVG. Hal ini kadangkala berkemungkinan memberikan data dan maklumat Peribadi. Yakinlah bahawa kami sentiasa menggunakan maklumat tersebut mengikut Dasar Privasi ini dan undang-undang yang berkaitan.

Anda yang akan membuat keputusan akhir sama ada untuk meneruskan dengan sebarang aktiviti yang meminta data dan maklumat Peribadi.

### **MAKLUMAT DIKUMPULKAN DAN DISIMPAN SECARA AUTOMATIK**

Semasa anda berinteraksi dengan Produk atau Tapak AVG, kami mungkin mengekalkan sebahagian atau kesemua rekod mengenai beberapa atau semua jenis maklumat berikut:

- Alamat Protokol Internet ("IP") anda atau maklumat teknikal lain seperti tapak web yang merujuk anda, jika ada dan laluan yang anda ambil melalui Tapak AVG Technologies semasa anda melawati kami dalam talian
- Tarikh dan masa, alamat internet bagi tapak web yang anda pautkan secara terus ke tapak web kami
- Nama fail atau perkataan yang anda cari dan pelayar yang anda gunakan untuk mengakses tapak web kami
- Maklumat tentang aplikasi, fail yang berniat jahat dan potensi ancaman lain pada PC, tablet, telefon mudah alih anda atau peranti lain yang berkaitan, kelakuan dan asalnya
- Fail dan kandungan fail yang mengandungi ancaman atau ancaman yang mungkin berlaku

- Maklumat mengenai peranti anda (PC, tablet, telefon mudah alih atau peranti lain yang berkaitan) seperti ID peranti, nama peranti, aplikasi pihak ketiga, jenis dan bilangan fail dan atur cara pada peranti tersebut dan tetapan peranti. Terutamanya untuk telefon mudah alih, kami juga mungkin mengumpulkan nombor siri kad SIM, nombor siri telefon, aplikasi pihak ketiga yang dipasang pada peranti, kadar pemasangan dan nyahpasang, bahasa dan pengeluaran peranti, saiz skrin dan model peranti, lokasi peranti dan rangkaian mudah alih (pembawa mudah alih) yang anda gunakan tetapi bukan nombor telefon

Maklumat yang dikumpulkan dan disimpan secara automatik oleh Tapak kami digunakan untuk mengukur bilangan pelawat yang melawatnya dan untuk mengenal pasti prestasi sistem atau untuk isu pelayan. Kami juga menggunakan maklumat ini untuk membantu kami meluaskan liputan Tapak kami dan untuk menjadikannya lebih berguna.

[Kembali ke Atas](#)

## **Adakah Kami Menggunakan Kuki?**

Anda boleh menemui maklumat menyeluruh mengenai cara tapak web AVG menggunakan kuki di [sini](#).

[Kembali ke Atas](#)

## **Bagaimanakah Kami Menggunakan Maklumat yang Kami Kumpul?**

Data dan maklumat Peribadi yang kami kumpul, secara umumnya, digunakan untuk membantu kami membangunkan perlindungan dan prestasi terbaik untuk anda, memproses permintaan dan transaksi anda, untuk memberikan anda perkhidmatan kualiti tinggi, untuk memberitahu anda mengenai peluang yang kami rasakan anda mungkin berminat, untuk menyesuaikan pengalaman anda pada Tapak kami dan untuk memahami keperluan anda supaya kami boleh memberikan anda produk dan perkhidmatan yang paling sesuai. Contohnya, kami boleh menggunakan data dan maklumat Peribadi anda untuk membantu kami:

- Membekalkan anda dengan maklumat mengenai peringatan virus, naik taraf produk, produk baharu, perkhidmatan, penyelidikan mengenai idea produk atau penambahbaikan masa depan
- Menghantar surat berita, e-mel bermaklumat atau maklumat lain yang mempunyai sifat pengumuman perniagaan
- Membuat kandungan yang relevan kepada anda
- Menyediakan anda tawaran istimewa yang mungkin anda akan berminat, termasuk tawaran yang berkaitan dengan produk dan perkhidmatan pihak ketiga
- Membantu kami menghasilkan produk dan perkhidmatan yang lebih baik dan tersuai untuk memenuhi keperluan anda
- Membenarkan anda membeli dan memuat turun produk, mendapatkan akses kepada perkhidmatan atau jika tidak, terlibat dalam aktiviti yang anda pilih
- Membantu anda mencari perisian, perkhidmatan atau maklumat produk yang penting kepada anda dengan cepat
- Membenarkan anda terlibat dalam ciri interaktif perkhidmatan kami apabila anda memilih untuk melakukannya

- Memberitahu anda mengenai perubahan kepada perkhidmatan kami
- Sekiranya fail, aplikasi atau e-mel anda berniat jahat, berpotensi berniat jahat atau spam

[Kembali ke Atas](#)

## **Dengan Siapa Kami Kongsi Maklumat Anda?**

### **AVG TECHNOLOGIES SELURUH DUNIA**

Memandangkan AVG Technologies adalah syarikat global, kami memberikan maklumat mengenai pengguna Produk AVG kepada pejabat kami (subsidiari dan rakan sekutu) di seluruh dunia yang disenaraikan di [www.avg.com/contacts](http://www.avg.com/contacts). Hal ini boleh termasuk pemindahan data pengguna merentas sempadan. Data dan maklumat Peribadi yang anda telah berikan kepada kami boleh dijadikan tersedia kepada pejabat AVG Technologies ini untuk tujuan pengurusan pemasaran dan perhubungan pelanggan.

### **PIHAK KETIGA**

AVG Technologies tidak menjual atau menyewa data dan maklumat Peribadi anda kepada pihak ketiga. AVG, seperti semua organisasi utama, menggunakan pelbagai rangkaian pihak ketiga yang luas untuk menyediakan perkhidmatan kepada AVG dan kepada anda – sama ada secara langsung atau tidak langsung. Di mana yang berkaitan, syarikat ini perlu mematuhi standard privasi data dan keselamatan maklumat kami semasa mengendalikan data Peribadi dan kami berharap mereka tidak menjejaskan data dan maklumat Peribadi anda.

Kami boleh berkongsi data dan maklumat Peribadi anda jika kami percaya secara jujur bahawa pendedahan tersebut: a) dibenarkan oleh undang-undang atau perlu untuk mematuhi proses undang-undang atau untuk menyampaikan produk atau perkhidmatan yang anda perlukan; b) sebagai respons terhadap tuntutan undang-undang; c) diperlukan untuk melindungi dan mempertahankan hak, harta atau kepentingan sah AVG Technologies; d) perlu untuk melindungi keselamatan peribadi, harta atau hak AVG Technologies yang lain dan pelanggan serta kakitangannya; atau e) sebahagian daripada penjualan semua atau sebahagian daripada perniagaan kami. Pendedahan sedemikian boleh termasuk pemindahan data dan maklumat Peribadi merentas sempadan.

Jika diwajibkan oleh undang-undang untuk mendedahkan maklumat anda kepada pihak ketiga, kami akan menggunakan usaha yang munasabah secara komersial untuk memberitahu anda lebih awal tentang pendedahan itu kecuali dilarang oleh undang-undang.

### **RAKAN KONGSI, PENGEDAR DAN PENJUAL SEMULA YANG DIPILIH**

Kami boleh berkongsi data dan maklumat peribadi anda, seperti hubungan e-mel anda, dengan rakan kongsi, pengedar dan penjual semula AVG Technologies yang terpilih. Hal ini boleh termasuk pemindahan data dan maklumat Peribadi merentas sempadan. Sesetengah daripada mereka mungkin menghubungi anda, sama ada bagi pihak kami atau untuk perniagaan mereka sendiri, mengenai produk, perkhidmatan atau tawaran yang kami percaya adalah penting kepada

anda atau perniagaan anda atau untuk memenuhi mana-mana syarat di bawah pelesenan dan hubungan perkhidmatan dengan AVG dan untuk memberikan anda sokongan teknikal dan sokongan pelanggan tempatan. Jika anda menggunakan mana-mana Produk AVG dengan fungsi carian, kami mungkin berkongsi alamat IP anda dengan pembekal carian. Sila ambil perhatian bahawa mereka mungkin mempunyai dasar privasi mereka sendiri yang perlu anda ketahui.

[Kembali ke Atas](#)

## **Hak dan Tanggungjawab**

Jika anda telah memberi data dan maklumat Peribadi kepada AVG Technologies untuk tujuan menyediakan anda dengan produk atau perkhidmatan, anda mempunyai hak untuk meminta kami untuk memberi nasihat kepada anda mengenai skop maklumat yang diproses oleh AVG Technologies mengenai anda, tujuan dan sifat pemrosesan, dan maklumat mengenai dengan siapa maklumat ini dikongsi.

Jika anda telah memberikan kami data dan maklumat Peribadi anda, anda juga boleh meminta untuk mengemas kini, membetulkan atau memadam (dengan menganggap bahawa hal ini tidak akan memberikan kesan kepada perkhidmatan yang kami sediakan kepada anda) pada bila-bila masa. Paling penting, anda boleh memilih untuk keluar daripada hubungan pemasaran atas permintaan anda. Jika anda bimbang tentang kemungkinan pelanggaran hak privasi anda berhubung Produk AVG, sila maklumkan kami mengenai kebimbangan anda dan kami akan berusaha menyelesaikannya secepat yang boleh.

Anda boleh melakukan mana-mana perkara di atas dengan menghantar e-mel kepada [privacy@avg.com](mailto:privacy@avg.com) atau lihat arahan dalam Produk AVG.

Walaupun kami akan berusaha untuk memenuhi permintaan anda, kami mungkin menolak permintaan yang membahayakan privasi orang lain, yang tidak munasabah atau berulang-ulang, memerlukan usaha teknikal yang tidak seimbang (seperti membangunkan sistem baharu atau secara asasnya mengubah amalan perniagaan yang sedia ada) atau akan menjadi sangat tidak praktikal. Di mana kami boleh menyediakan akses maklumat dan pembetulan, kami akan berbuat demikian secara percuma, kecuali jika memerlukan usaha yang tidak seimbang. Kami berhasrat untuk mengekalkan perkhidmatan kami dengan cara yang melindungi maklumat daripada pemusnahan yang tidak sengaja atau berniat jahat. Oleh kerana sebab-sebab ini, selepas maklumat dipadankan daripada perkhidmatan kami, kami mungkin tidak dapat menghapuskan sisa salinan dengan segera daripada pelayan aktif kami dan mungkin tidak akan memadamkan maklumat daripada sistem sandaran kami.

[Kembali ke Atas](#)

## **Buletin Kemas Kini dan Komunikasi Lain AVG**

Sesetengah Produk AVG membolehkan AVG untuk menghantar produk dan mesej perkhidmatan penting ke PC, tablet, telefon mudah alih anda atau peranti lain yang berkenaan semasa anda disambungkan ke Pelayan AVG. Untuk tujuan Dasar Privasi ini, Pelayan AVG yang bermaksud

mana-mana pelayan yang berkaitan dengan Produk AVG yang dikendalikan oleh mana-mana syarikat daripada kumpulan syarikat AVG.

Jika anda tidak mahu terus menerima surat berita e-mel, buletin atau maklumat kami yang lain daripada AVG Technologies, anda boleh memilih untuk keluar pada bila-bila masa dengan membalas mana-mana e-mel yang anda terima daripada kami dan menulis perkataan “berhenti melanggan” dalam baris subjek jawapan anda atau anda boleh berhenti melanggan dengan mengikuti proses menghentikan langganan yang berkaitan yang digariskan dalam e-mel atau surat berita masing-masing. Sila maklum bahawa e-mel kami mungkin mengandungi maklumat penting atau berguna mengenai produk AVG anda, termasuk maklumat mengenai Nombor Lesen anda atau status pesanan atau akaun anda.

[Kembali ke Atas](#)

## **Pautan kepada Syarikat Lain**

Secara berkala, Tapak kami atau Produk kami mungkin mengandungi pautan ke dan dari tapak web atau destinasi luar lain daripada rakan kongsi perniagaan, pengedar, penjual semula, pengiklan atau pihak ketiga lain. Jika anda mengikuti pautan kepada mana-mana tapak web ini atau mana-mana destinasi luar yang lain (seperti tawaran di kedai aplikasi mudah alih dan sebagainya), sila ambil perhatian bahawa tapak web dan destinasi ini mempunyai dasar privasi mereka sendiri yang anda perlu baca sebelum anda menyerahkan sebarang data dan maklumat Peribadi.

[Kembali ke Atas](#)

## **Tapak Web Jenama Bersama**

Kami boleh juga memautkan kepada tapak web yang berjenama bersama yang diselenggarakan oleh AVG Technologies dan satu atau lebih rakan kongsi perniagaan kami.

[Kembali ke Atas](#)

## **Keselamatan**

AVG Technologies komited untuk mengekalkan keselamatan maklumat di bawah kawalan kami. Kami telah mengambil langkah-langkah keselamatan, selaras dengan amalan industri yang terbaik, demi melindungi data dan maklumat Peribadi anda. Untuk mengelakkan akses yang tidak dibenarkan, mengekalkan ketepatan data dan memastikan penggunaan maklumat dengan cara yang betul, kami telah membentuk amalan fizikal, teknikal dan pentadbiran yang diterima industri bagi melindungi dan memastikan keselamatan maklumat yang kami kumpulkan.

[Kembali ke Atas](#)

## **Perubahan Dasar Privasi**

Kami mempunyai hak untuk mengubah Dasar Privasi ini pada bila-bila masa. Walau bagaimanapun, kami akan mengingatkan anda bahawa perubahan telah dilakukan dengan menunjukkan di bahagian atas Dasar Privasi tarikh akhir ia dikemas kini.

Pada 12 Mac 2014, kami telah mengemas kini Dasar Privasi ini. Pelarasan utama yang dibuat adalah:

- Penambahan peruntukan mengenai pemindahan data dan maklumat Peribadi merentas sempadan bagi menggambarkan keperluan undang-undang privasi data Australia yang baharu. Lihat seksyen 'Dengan Siapa Kami Kongsi Maklumat Anda'
- Penambahan peruntukan mengenai hak anda untuk memaklumkan kami mengenai kebimbangan anda tentang kemungkinan pelanggaran hak privasi anda sehubungan dengan Produk AVG. Lihat seksyen 'Hak dan Tanggungjawab'
- Penjelasan keperluan pemindahan data pihak ketiga

Ikut [pautan ini](#) untuk mengakses versi Dasar Privasi AVG yang terdahulu.

[Kembali ke Atas](#)